



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 4/2020

**CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENDIDIKAN JARAK JAUH
SECARA ATAS TALIAN**

1. Berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**, perkhidmatan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan asing adalah tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan.
2. Menteri Kewangan telah menetapkan perkhidmatan pendidikan jarak jauh yang merupakan suatu perkhidmatan digital termasuk yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan, **tidak** tertakluk kepada cukai perkhidmatan mulai 1 Januari 2020.
3. Perkhidmatan pendidikan jarak jauh yang terlibat adalah:
 - 3.1 Bagi penyedia perkhidmatan tempatan:
 - (a) Pendidikan prasekolah di bawah Akta Pendidikan 1996;
 - (b) Pendidikan rendah dan menengah di bawah Akta Pendidikan 1996; atau
 - (c) Pendidikan tinggi termasuk pendidikan vokasional dan latihan profesional yang diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau di bawah Akta Pembangunan Kemahiran 2006.
 - 3.2 Bagi penyedia perkhidmatan asing:
 - (a) Pendidikan prasekolah;
 - (b) Pendidikan rendah dan menengah; atau
 - (c) Pendidikan tinggi termasuk pendidikan vokasional dan latihan profesional

yang diiktiraf oleh pihak berkuasa yang berkaitan di negara tersebut.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA